



### Islam Menentang Kelemahan dan Kemiskinan

Tuan Haji Yusuf Bin Abdullah dari Kuching,

Sarawak bertanya:

Adakah agama Islam melarang umatnya lemah dan miskin, dan adakah dalil-dalil yang menyatakan larangan itu, serta apa pula sebab-sebabnya dilarang? Tolong tuan jelaskan, mudah-mudahan dapat kiranya penjelasan tuan itu mendatangkan kesedaran kepada saudara-saudara kami kaum Muslimin.

Jawapannya:

Untuk memberikan jawapan bagi pertanyaan tuan itu, moleklah kita terangkan terlebih dahulu tentang kedudukan Islam yang sebenarnya. Agama Islam adalah agama yang tinggi, tak ada yang mengatasinya. Kerada dia adalah agama yang diakui Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* sebagaimana firman-Nya: (Ali 'Imrān:19) "*Inna al-dīna 'inda Allāhi al-Islām*"

Ertinya: Sesungguhnya "Agama yang benar di sisi Allah ialah Islam".

Dan firman-Nya (33 al-Barā'ah) "*Huwa alladhī arsala rasūlahū bi al-hudā wa dīni al-haqqi li yuzhīrahū 'ala al-dīni kullihī wa law kariha al-mushrikūn.*"

Ertinya: Dialah (Allah yang mengutus rasul-Nya membawa petunjuk dan agama yang *haqq* (benar) agar diperlihatkannya di atas agama seluruhnya, walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang musyrik.

Firman-Nya lagi (3 al-Mā'idah): *Al-yawma akmaltu lakum dīnakum wa atmamtu 'alaykum ni'matī wa raditu lakumu al-Islāma dīnā.*

Ertinya: "Hari ini telah Aku (Allah) sempurnakan agama kamu bagimu, dan Aku cukupkan nikmat ke atasmu, dan Aku reda Islam menjadi agama kamu.

Kemudian hendaklah kita memahamkan pula, bahawasanya agama Islam itu adalah kepunyaan Allah, dan hanya kepada-Nyalah sahaja semua makhluk ini mengabadikan dan mempertuhankan-Nya.

Firman Allah: "*Wa lillāhi yasjudu mā fi al-samāwāti wa mā fi al-arḍi min dābbatin wa al-malā'ikatu wa hum lā yastakbirun. Yakhāfūna rabbahum min fawqihim wa yaf'alūna mā yu'marūn.*" (59-50<sup>1</sup> al-Nahl)

Ertinya: "Kepada Allah menyembah apa-apa yang di langit dan apa yang di bumi dari jenis melata dan malaikat sedang mereka itu tiada membesarkan diri. Mereka takut kepada Tuhan mereka dari atas mereka dan mengerjakan apa-apa yang diperintahkan kepada mereka."

Menilik kepada firman Tuhan di atas, maka tidak syak lagi bahawasanya Allah itu adalah bersifat Gagah lagi Perkasa, Dialah Raja Yang Maha Suci yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan, telah pun memilih agama Islam tersebut supaya diperlihatkan-Nya di atas agama seluruhnya, supaya kalimat (cogan) Allah itu adalah yang paling atas dan apa yang dinamakan agama itu mestinya kerana Allah.

Nyatalah bahawasanya agama Islam itu "agama kekuatan" kerana kekuatannya disandarkan kepada kekuatan Allah Ta'ālā, dan dengan sebab Islam kuat, dapatlah mengalahkan orang-orang kafir dalam peperangan mereka, kerana Allah membantu mereka dengan kekuatan yang ada pada sisi-Nya, serta kedudukan mereka dimuliakan dengan pertolongan yang ada pada-Nya, kemudian mereka diperintahkan pula supaya memperlihatkan kekuatan itu dengan erti kekuatan yang sebenar-benarnya seperti firman-Nya

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah 49-50.

(Al-Anfāl 60) “*Wa a ‘iddū lahum mā istaṭa ‘tum min quwwatin wa min ribāṭi al-khayli turhibūna bihī ‘aduwwā Allāhi wa ‘aduwwakum wa ākharīna min dūnihim lā ta ‘lamūnahum, Allāhu ya ‘lamuhum.*”

Ertinya: “Bersedialah kamu menghadapi mereka sekuasa kamu dengan kekuatan dan dengan angkatan berkuda, untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu dan yang lain dari mereka yang kamu tidak ketahui, sedanh Allah mengetahui akan mereka.”

Sebenarnya yang dikatakan orang Mukmin itu ialah orang yang kuat. Ini telah dijelaskan oleh Allah dengan firman-Nya (Ali ‘Imrān 139) “*Wa antumu al-a ‘lawna in kuntum mu ‘minīn*”

Ertinya: “Dan kamulah yang paling atas (kuat) sekiranya kamu orang-orang beriman.”

Sebabnya demikian ialah, kerana dengan adanya “kekuatan orang-orang Islam itu” maka agama Islam menjadi kuat dan mulia, dapat tersiar ke mana-mana dan memperoleh pula kemenangan di mana-mana. Umat Islam itu sendirilah yang menjadi “senjata” bagi agama, serta menjadi alat persiapan di masa perang dan di masa damai.

Firman Allah (29 al-Faṭḥ) yang maksudnya demikian “Muḥammad Rasulullah dan orang-orang (Mukmin) yang bersama-sama dengannya sangat keras terhadap orang-orang kafir dan sangat penyantun sesama mereka. Engkau dapati mereka itu mengerjakan rukuk dan sujud (sembahyang) inginkan kurnia daripada Allah dan keredaan-Nya. Ada tanda-tanda di dahi mereka bekas sujud. Yang demikian itu, diumpamakan mereka itu di dalam kitab *Tawrah* dan diumpamakan di dalam kitab *Injil* seolah-olah seperti tanaman yang mengeluarkan tunas yang lembut, kemudian bertambah kuat, dan bertambah

Orang Melayu Singapura terdesak hidup-nya!

Puncha-nya?:-

Bacha buku:

# ***PERISTEWA-PERISTEWA SIASAH DI-TANAH MELAYU***

***OLEH: EDRUS.***

Harganya-nya \$3.00 – Pos 15 sen.

**Qalam**

356/8, GEYLANG ROAD.

SINGAPURA-14

besar, dapat tegak di atas batangnya, menakjubkan petani-petani, menjadikan orang-orang kafir itu marah kerananya. Allah telah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan yang beramal soleh akan keampunan dan pahala yang besar.”

Setiap pemeluk Islam hendaklah meletakkan pandangannya dengan baik dan tepat terhadap agama Islam yang dipeluknya menerusi penjelasan-penjelasan daripada ayat-ayat yang diterangkan di atas tadi. Islam adalah agama kekuatan, baik pada pendiriannya, mahupun pada roh dan semangatnya begitu pula pada matlamat dan tujuan-tujuannya. Islam adalah berlawanan sama sekali dengan segala bentuk yang menyebabkan kerendahan dan mengakibatkan penghinaan terhadap pemeluk-pemeluknya.

Islam tidak rela menjadi rendah, menjadi lemah atau menjadi hina. Malah dia akan menentang segala usaha-usaha yang bakal mencelakakan tubuh badan, melenyapkan semangat dan jiwa, ataupun membinasakan akal fikiran. Juga tidak rela melihat umatnya hidup dalam keadaan kurang penghargaan, kurang kekuatan dan banyak penderitaan. Dasar Islam tidak akan teragak-agak untuk turut berlumba-lumba dalam lapangan kemajuan yang dapat mempertinggi umat Islam. Kerana sememangnya tokoh umat Islam itu adalah tinggi dan paling baik. Ini telah dijelaskan oleh Allah dengan firman-Nya (Ali ‘Imrān 110) “*Kuntum khayra ummatin ukhrijat li al-nāsi ta’murūna bi al-ma’rūfi wa tanhawna ‘ani al-munkari wa tu’minūna billāh.*”

Ertinya: “Adalah kamu sebaik-sebaik umat yang dibangkitkan bagi manusia, supaya kamu menyuruh mengerjakan kebajikan dan kamu melarang berbuat kejahatan serta percaya kepada Allah.”

Akal yang sihat akan mengatakan: Bahawa kekuatan Islam terletak pada kekuatan kaum Muslimin dan

kemuliaannya terletak pada kemuliaan mereka. Jadi kaum Muslimin mestilah benar-benar mempunyai kekuatan dengan secara praktikal bukan teori sahaja. Sekiranya kaum Muslimin lemah, tidak dapat memberikan gambaran tentang hakikat Islam yang sebenarnya serta tidak pula dapat memperlihatkan hakikat Islam itu secara praktikal, maka gagallah sudah mereka itu daripada menjadi kaum Muslimin yang sejati.

Kalau mereka tidak kuat tentulah orang akan mengatakan mereka lemah, dan kalau mereka lemah selanjutnya orang akan mengatakan agama Islam itu yang lemah, walhal ini adalah sangat-sangat berlawanan dengan kedudukan agama Islam itu sendiri.

Memang layak orang-orang Islam yang tidak berpegang teguh dengan agama mereka itu digelarkan orang-orang yang lemah, kerana Allah sendiri telah menyatakan dengan firman-Nya (96<sup>2</sup> al-Nisā’) “*Inna alladhīna tawaffāhumu al-malā’ikatu zālimī anfusihim qālū fīma kuntum, qālū kunnā mustaḍ’afīna fī al-arḍ, qālū alam takun arḍu Allāhu wāsi’atan fa tuhājirū fīhā, fa ulā’ika ma’wāhum jahannamu wa sā’at maṣīra.*”

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang yang dimatikan oleh malaikat ketika mereka menganiayai dirinya sendiri malaikat pun bertanya; bagaimana keadaan kamu? Mereka menjawab; kami adalah orang-orang yang lemah (ditindas) di muka bumi. Kata malaikat; bukankah bumi Allah ini luas sehingga kamu boleh pindah ke mana-mana? Maka tempat mereka itu adalah Neraka Jahannam, dan itulah tempat yang amat buruk.”

Nyatalah orang Islam tak boleh lemah, kerana Islam tak akan bertemu dengan kelemahan. Jadi tidaklah segaya orang Islam tertindas tersebut kelemahannya, kerana ini berlawanan dengan pendirian Islam yang terasnya merupakan kekuatan, kemuliaan dan kehormatan.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah 97.



*Qariah-qariah bergambar setelah tamat Peraduan Al-Qur'ān Peringkat Antarabangsa yang telah diadakan di Kuala Lumpur. Sebelah kiri ialah Che Faridah binti Haji Muhammad Saman qariah dari Kelantan yang telah menyandang gelaran Johan Kebangsaan dan Peringkat Kebangsaan tahun ini.*

Manakala kita telah mengakui yang demikian itu pendirian Islam, kita tidak pula keberatan untuk mengakui; bahawasanya Islam tidak menerima kemiskinan, malah kemiskinan itu sangat-sangat ditentanginya kerana dia juga berlawanan dengan pendirian dan pengajaran Islam.

Di dalam hubungan ini Nabi (S.A.W) telah bersabda: *“Al-yadu al-‘ulyā khayrun min al-yadi al-suflyā.”*

Ertinya:”Tangan yang di atas (tukang memberi) itu lebih baik daripada tangan yang di bawah (tukang meminta).”

Selanjutnya baginda menggalakkan umatnya supaya bertenaga dan berusaha, janganlah menjadi lemah dan rendah – dengan sabdanya: *“La ‘an ya ‘khudha ahadukum hablahu fa yahtaṭiba fa yabī‘u khayrun lahu min an yas’ala al-nās, a ‘tawhu am mana ‘ūhu.”*

Ertinya: “Kalaupun seseorang kamu mengambil talinya lalu mencari kayu api kemudian menjualkannya, itu adalah lebih baik baginya daripada meminta-minta kepada orang yang adakalanya mahu memberi atau tak mahu memberi,”

Memanglah perbuatan “meminta-minta” itu merupakan kehinaan dan kerendahan diri serta dapat pula menghilangkan keperibadian. Tidak layak seseorang Islam menjadi peminta-peminta kalau perbuatan itu akan menghinakan agamanya yang akan menjadi pula tumpuan pandangan dunia. Islam menyeru umatnya supaya berusaha dan bekerja. Firman Allah (105 al-Tawbah) *“Wa quli i ‘malū fa sayara Allāhu ‘amalakum wa rasūluhū wa al-mu ‘minūn.”*

Ertinya: “Katakanlah (ya Muḥammad)! Berusahalah kamu, nescaya Allah, Rasul-Nya dan orang-orang Mukmin akan melihat

usaha kamu itu.”

Firman-Nya lagi (al-Jumu'ah 10) “*Fa idhā quḍiyati al-salātu fā intashirū fī al-arḍi wa ibtaghū min faḍli Allāhi wa udhkurū Allāha kathīrann la ‘allakum tufliḥūn.*”

Ertinya: “Maka apabila sembahyang telah tertunai, bertebaranlah kamu di muka bumi, dan carilah akan kurnia (rezeki) Allah, dan ingatlah berbanyak-banyak kepada Allah, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangannya.”

Islam sememangnya ada membuka jalan bagi pemeluk-pemeluknya untuk hidup, dan menyediakan keperluan untuk perkembangan jasmani, rohani dan akal fikiran mereka. Kalau seseorang manusia Muslim mengganggu, tidak mahu menunaikan tugas semula jadinya dengan sebaik-baiknya, dialah nanti yang akan bertanggungjawab terhadap dirinya, terhadap masyarakat dan terhadap Allah di kemudian hari, dan menjadikan ia manusia yang tidak berguna yang menghinakan dirinya sendiri, dan jadilah ia miskin dan papa.


Bukanlah begini jalan yang mesti ditempuh oleh seseorang manusia Muslim, itulah sebabnya pernah Saiyidina ‘Alī bin Abī Ṭālib berkata: “*Kāda al-faqrū an yakūna kufrā*”

Ertinya: “Hampir kemiskinan itu merupakan kekufuran.” Tak ini tujuannya untuk memberi harapan hidup terhadap seseorang Muslim yang ingin hidup, kerana kemiskinan dan kepapaan itu menunjukkan kehinaan dan kelemahan, malah boleh pula berubah menjadi kufur atau tidak membalas budi yang menjadi sebesar-besar musuh Islam.

Islam bertentangan dengan kufur. Islam tidak akan menerima kufur dalam sebarang corak dan bentuk, kerana dia adalah musuhnya. Oleh kerana kemiskinan dan kepapaan itu boleh menyebabkan kufur, maka Saiyidina ‘Alī

bin Abī Ṭālib pernah juga berkata: “*Law kāna al-faqrū rijalan laqataltuh*” yang ertinya: “Seandainya kemiskinan itu seorang lelaki, nescaya saya akan membunuhnya.”

Cukup rasanya dengan keterangan-keterangan di atas untuk meyakinkan, bahawasanya kelemahan dan kemiskinan itu sangat ditentang oleh agama Islam, kerana keduanya akan menghalangi-menghalangi kemajuannya dan menodai kemuliannya

  
*Wa Allāhu a ‘lam.*

### **Pahala Daripada Allah.**

Jenis-jenis amalan di sisi Allah itu ada /, iaitu 2 amalan yang wajib, 2 amalan yang mempunyai semisal (seumpama) dengan keduanya, 1 amalan yang mempunyai 10 kali ganda dengan seumpamanya, 1 amalan yang mempunyai 700 kali ganda dengan seumpamanya, dan 1 amalan yang tidak diketahui pahala amalannya melainkan Allah ‘Azza wa Jalla.

Adapun 2 amalan yang wajib itu, barang siapa yang menyembah Allah dengan ikhlas tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu, wajiblah baginya syurga. Dan barang siapa yang menyekutukan Allah, nescaya wajiblah baginya neraka.

Barang siapa beramal jahat, dibalas dengan kejahatan yang seumpama itu pula.

Barang siapa berkehendak membuat amalan yang baik tetapi belum melakukannya, dibalas dengan kebaikan yang seumpama itu pula.

Barang siapa telah beramal 1 kebaikan, dibalas dengan 10.

Barang siapa membelanjakan hartanya pada jalan Allah, dilipat gandakan apa yang dinafkahkan itu – tiap-tiap 1 dirham mendapat 700 dirham dan tiap-tiap 1 dinar mendapat 700 dinar pula.

Adapun puasa yang dikerjakan kerana Allah ‘Azza wa Jalla tiada diketahui pahala amalannya melainkan Allah Ta‘ālā. (Hadith riwayat al-Ṭabrānī dan al-Bayhaqī)